

Berfikir sebelum menggunakan air

Oleh YUSLIANI MAT YUSOF

AIR merupakan salah satu ciptaan Allah s.w.t yang amat bernilai kepada manusia dalam menjalani kehidupan harian. Amnya, air merupakan satu keperluan yang amat penting dalam kehidupan. Tanpa air, semua benda hidup seperti manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan akan mati. Ini kerana setiap hari kita memerlukan air untuk minum, memasak, mencuci, menyiram tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Dengan adanya kepentingan-kepentingan yang terhasil daripada air, maka jelaslah kepada kita bahawa penjimatan dalam penggunaan air amat perlu bagi mengelak pembaziran.

Walaupun Malaysia dikatakan sebagai negara yang mempunyai curahan hujan tahunan yang tinggi iaitu sekitar 2,032 mm setahun, dan dikatakan mencukupi untuk menampung permintaan terhadap air, namun jumlah ini sebenarnya tidak mencukupi.

Seperti yang kita sedia maklum melalui media-media massa, penggunaan air di negara ini semakin meningkat setiap tahun ekoran pertambahan penduduk dan juga pembangunan termasuklah pembinaan projek-projek mega.

Dari sudut bekalan air kesemua keadaan ini berkesudahan dengan berlakunya peningkatan kepada penggunaan dan permintaan. Kos air juga telah bertambah. Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk memperluaskan bekalan air kepada lebih ramai lagi pengguna.

Sumber dan punca air pula semakin berkurangan. Kualiti air mentah menjadi semakin tercemar dan memerlukan kos tinggi untuk dirawat.

Jadi adalah mustahak kita menggunakan air dengan lebih bijaksana dan berhati-hati tanpa membazirkan. Terdapat beberapa tip untuk menjimatkan air antaranya menggunakan gelas ketika memberus gigi. Ini dapat menjimatkan 0.5 liter air setiap kali memberus gigi. Untuk mencuci tangan kita boleh menggunakan besen setengah penuh. Hilang kekotoran dengan alat pencuci sebelum membasuh dengan sabun dan air.

Seterusnya, kita boleh menggunakan cawan untuk bercukur. Ini akan menjimatkan air sebanyak 0.25 liter. Selain itu, kita boleh menggunakan pancur air (*shower*) ketika mandi dan ini dapat menjimatkan dua liter air. Mencuci baju pula seeloknya dilakukan dengan muatan penuh dua hari sekali.

Cara ini dapat mengurangkan penggunaan air sebanyak 130 liter. Jika kita hendak membasuh kereta, langkah yang paling bijak adalah dengan menggunakan baldi dan bukannya air dari pili dan hos getah. Jika kita menggunakan air dari pili dan hos getah, jumlah air yang diguna ialah 400 liter, manakala jika menggunakan baldi jumlah penggunaan air hanya sebanyak 382 liter sahaja.

Di sini kita dapat menjimatkan air sebanyak 18 liter air setiap kali mencuci kereta. Jika kita mengamalkan tips ini, kita dapat menjimatkan penggunaan air dalam kehidupan harian kita.

Oleh itu kita perlu mengambil perhatian yang sewajarnya mengenai kepentingan air dalam kehidupan setiap insan. Kita perlu melatih diri kita sendiri agar sentiasa mengelakkan diri daripada menggunakan air secara berlebihan.

Kita patut mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kerana mengurniakan air yang amat berharga kepada kita.